

ISU-ISU SYARIAH DALAM PRODUK TAKAFUL

MUZAKARAH PENASIHAT KEWANGAN ISLAM KLIFF
2024

DR AKHTARZAITE ABDUL AZIZ

ISU SYARIAH DALAM TAKAFUL

- ❖ Bayaran Manfaat Takaful dalam Kes Kematian Serentak antara Peserta dan Benefisiari

ISU

- Isu- kematian peserta dan benefisiari adalah serentak dan tidak dapat dipastikan siapa di antara keduanya meninggal terlebih dahulu
- Persoalan- adakah hibah dari peserta kepada benefisiari telah berlaku, adakah manfaat takaful menjadi hak pewaris peserta (sekiranya hibah terbatal) atau menjadi hak pewaris benefisiari (sekiranya hibah berlaku)

Akad Hibah dalam Takaful

- Aplikasi akad hibah bersyarat adalah terpakai dalam pembayaran manfaat takaful kepada benefisiari yang dinamakan oleh peserta
- PD Hibah BNM 10.1 menggariskan 3 rukun hibah:
 - Pihak2 yang terlibat, pemberi dan penerima hibah (peserta dan benefisiari)
 - Ijab hibah (termaktub di dalam boring penamaan penerima manfaat yang dilakukan oleh peserte)
 - Aset hibah (manfaat takaful)
- PD Hibah 15.3 – secara jelas menyatakan bahawa hibah bersyarat atas kematian pemberi hibah hanya terpakai dalam takaful

Keputusan MPS 21 April 2003

- Manfaat takaful boleh dihibahkan kerana tujuan takaful adalah untuk memberi perlindungan kepada peserta takaful.
- Status hibah yang digunakan dalam pelan takaful tidak akan berubah menjadi wasiat kerana hibah yang dibuat adalah hibah bersyarat.
- Sekiranya peserta masih hidup apabila sijil takaful matang, manfaat takaful akan dimiliki oleh peserta. Walau bagaimanapun, jika peserta meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang, maka hibah akan berkuat kuasa

Unsur Ruqba

- Asas hibah adalah *hibah ruqba* yang merujuk kepada pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak (sama ada pemberi hibah atau penerima hibah) sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup.
- Harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi, jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah, maka harta hibah akan dikembalikan kepada pemberi hibah
- Kesimpulan: kematian salah seorang terlebih dahulu sebelum seorang lagi adalah aspek penting dalam menentukan siapakah yang berhak ke atas manfaat Takaful

Kes Kematian Serentak

- ❖ Adakah Hibah Ruqba terbatal?
- ❖ Adakah berlaku pewarisan diantara keduanya?
- ❖ Adakah POSA 1950 Terpakai?



Isu Qabd

HANAFI DAN SYAFIE

- ❖ Qabd adalah syarat luzum hibah
- ❖ Harta hibah tidak berpindah milik sebelum penerimaan

MALIKI

- ❖ Bukan syarat sah atau luzum hibah, hanya syarat sempurna hibah
- ❖ Berkuatkuasa selepas ijab dan qabul

Kesan Kematian Salah Seorang Sebelum Qabd

SYAFIE	HANAFI DAN HAMBALI	MALIKI
<ul style="list-style-type: none">❖ Pemberi Hibah meninggal dunia, waris menggantikan tempatnya, boleh memilih meneruskan qabd atau fasakh	<ul style="list-style-type: none">❖ Akad hibah terbatal dengan kematian salah seorang sebelum qabd❖ Kembali kepada pemberi	<ul style="list-style-type: none">❖ Hibah telah berlaku sebelum qabd, kematian tidak membatalkan

Hibah PD 14.1

- Hibah akan berkuatkuasa apabila:
 - Penerima, penjaga (dalam kes penerima bawah umur) atau wakilnya mengambil milikan asset hibah
 - Memenuhi syarat2 yang ditetapkan didalam hibah bersyarat

Hibah PD 14.4, 14.5

- Pengaturan hibah tidak akan berkuatkuasa dan asset hibah akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemberi hibah sekiranya berlaku kematian pemberi atau penerima hibah sebelum:
 - Penerima mengambil alih asset hibah, atau
 - Memenuhi syarat2 yang ditetapkan dalam pengaturan hibah didalam kes hibah bersyarat
- Walaubagaimanapun, didalam kes hibah bersyarat atas kematian pemberi hibah, hibah akan berkuatkuasa dan pemilikan asset hibah mesti dipindahkan kepada penerima selepas kematian pemberi (qabd hukmi)

Keputusan MPS 21 April 2003

- Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat sebelum tamat tempoh matang sijil takaful, kerana hibah bersyarat hanya sempurna selepas berlakunya penyerahan (qabd)
- Peserta mempunyai hak untuk membatalkan hibah yang dibuat kepada seseorang individu dan menyerahkan manfaat yang ingin dihibahkannya itu kepada orang lain, atau membatalkan penyertaan dalam takaful jika penerimanya meninggal dunia sebelum tamat tempoh matang

Kes Kematian Serentak

- ❖ Adakah Hibah Ruqba terbatal?
- ❖ Menurut Hibah PD dan MPS, hibah adalah terbatal kerana tidak ada qabd dan tidak memenuhi syarat dalam hibah bersyarat
- ❖ Manfaat takaful kekal harta pemberi hibah (peserta) – prinsip istishab
- ❖ Manfaat Takaful perlu dibayar kepada pewaris pemberi hibah



Adakah Saling Mewarisi?

- Isu Dimana peserta dan penerima hibah mempunyai hubungan waris seperti suami dan isteri atau anak dan bapa
- Di dalam kes mati serentak dan tidak dapat dipastikan siapa yang meninggal terlebih dahulu, adakah anak (penerima hibah) mewarisi manfaat takaful dari ayahnya (peserta)

Adakah Saling Mewarisi?

**JUMHUR,
MUZAKARAH JAWATANKUASA
FATWA KEBANGSAAN 2008,
DAR IFTA' MESIR**

- ❖ Tidak mewarisi antara satu sama lain
- ❖ Harta dibahagikan kepada waris yang masih hidup tanpa mengambil kira bahagian ahli keluarga yang mati bersamanya

**UMAR, SYURAIH, SYA'BI DAN
HAMBALI**

- ❖ Saling mewarisi dengan syarat ia adalah harta sedia ada dan bukan harta yang baru diwarisi daripada orang yang mati bersamanya

Kes Kematian Serentak

- ❖ Adakah berlaku pewarisan diantara keduanya?
- ❖ Tidak berlaku pewarisan manfaat Takaful diantara keduanya



Adakah POSA 1950 Terpakai?

- **Section 2 : Presumption of Survivorship Act 1950:**

- “Dalam semua hal apabila dua orang atau lebih mati dalam hal keadaan yang menyebabkan tidak pasti yang mana antara mereka menakat yang lain, atau yang lain-lain itu, kematian itu hendaklah (tertakluk kepada apa2 perintah mahkamah) bagi semua maksud yang melibatkan hak milik terhadap hartadianggapkan telah berlaku mengikut susunan kekananan umur dan orang yang lebih muda hendaklah disifatkan telah menakat orang yang lebih tua”
- (In all cases where two or more persons die in circumstances rendering it uncertain which of them survived the other or others, such deaths shall (subject to any order of the court) for all purposes affecting the title to property be presumed to have occurred in order of seniority and accordingly the younger shall be deemed to have survived the elder.)

Jika POSA Berkuatkuasa

Ali, 35 tahun (peserta) Alia, 30 tahun (penerima hibah)

- ❖ Manfaat Takaful akan dibayar kepada waris Alia
- ❖ POSA menganggap Ali meninggal terlebih dahulu, syarat ruqba berlaku dan hibah berkuatkuasa), hakmilik berpindah kepada Alia dan warisnya selepas kematiannya

Abu, 25 tahun (peserta) Asiah, 26 tahun (penerima hibah)

- ❖ Manfaat Takaful dibayar kepada waris Abu
- ❖ POSA menganggap Asiah meninggal terlebih dahulu, hibah tidak berlaku, hakmilik kekal milik Abu dan warisnya selepas kematiannya

Pandangan Syariah?

❖ Umur bukanlah penentu masa kematian

- فإذا جاء أجلهم لا يستأخرون ساعة ولا يستقدمون

“Apabila sampai masanya maka tidak dapat dilambatkan walau sesaat pun dan tidak dapat dicepatkan” Al A’raf: 34

❖ Mahkamah Rendah Daerah Seremban 2018 dalam isu pewarisan bagi kematian serentak di antara simati dan anak lelaki kandungannya : “Mahkamah berasa tidak selesa untuk menggunakan Seksyen 2 POSA 1950 kepada kes dihadapan mahkamah ini, berikutan Mahkamah tidak pasti berkenaan aplikasi POSA 1950 tersebut samada pemakaiannya terhad kepada orang bukan Islam sahaja, atau turut terpakai kepada orang beragama Islam”

Kes Kematian Serentak

- ❖ Adakah POSA 1950 Terpakai?
- ❖ Tidak selari dengan asas Syariah, adakah terpakai untuk orang Islam?
- ❖ IFSA tidak memperuntukkan untuk kes kematian serentak – lacunae?
- ❖ Adakah Hibah PD dan MPS mencukupi untuk mencakupi isu kematian serentak atau perlu kepada resolusi khusus?
- ❖ Conflict of jurisdiction?

